

KETEPATAN CHATGPT DALAM TERJEMAHAN AL-QURAN: ANALISIS PERBANDINGAN DENGAN TERJEMAHAN AUTORITATIF^(*)

*(The Accuracy of Chatgpt In Translating The Qur'an: A Comparative
Analysis With Authoritative Translation)*

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi¹, Ali Abdul Jalil^{2*},
Muhammad Lukman Mat Sin³

ABSTRACT

The emergence of generative Artificial Intelligence (AI) technologies such as ChatGPT has opened up new dimensions in text translation, including complex sacred texts like the Qur'an. However, the capability and accuracy of ChatGPT in translating Qur'anic verses remain in need of critical evaluation, as any distortion of meaning can have significant implications for the understanding of the Muslim community. This study was conducted to assess to what extent ChatGPT translations, both free and paid versions, can be compared to authoritative translations that have undergone expert verification, such as Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran by Abdullah Basmeih. This study employed a qualitative research design with a content analysis approach, focusing on four selected surahs: al-Ikhlās, al-Falaq, al-Nās and al-Kauthar. The findings show that ChatGPT version 4.0 demonstrates better accuracy in meaning compared to version 3.0, particularly in terms of the clarity of terminology and sentence structure. Nevertheless, both versions still exhibit weaknesses in maintaining subtle interpretive nuances, consistency of style, and a

^(*) This article was submitted on: 20/07/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.

Email: dzuldzulraidi@gmail.com

² Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia (Corresponding Author).

Email: alijalil@unisiraj.edu.my

³ Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

Email: drlukmanms@kuiips.edu.my

tendency to add or omit elements that require expert review to preserve the intended meaning. In conclusion, ChatGPT should only serve as an initial reference tool and cannot fully replace the role of authoritative translations grounded in the discipline of Qur'anic studies. This study recommends that future research expand the scope to include longer and more complex verses, as well as develop clear guidelines for the use of AI in translating sacred texts within Islamic education and research contexts.

Keywords: *Artificial Intelligence (AI); Chatgpt; Qur'an; Tafsir Pimpinan Al-Rahman; Qur'anic Studies*

ABSTRAK

Kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan generatif seperti ChatGPT telah membuka dimensi baharu dalam penterjemahan teks, termasuk teks suci seperti al-Quran. Namun, kemampuan dan tahap ketepatan ChatGPT dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Quran masih memerlukan penelitian kritikal memandangkan sebarang kesilapan makna boleh memberi kesan besar kepada kefahaman umat Islam. Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana terjemahan ChatGPT, sama ada versi percuma mahupun berbayar, dapat dibandingkan dengan terjemahan autoritatif yang telah melalui proses pentashihan seperti Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran oleh Abdullah Basmeih. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan, melibatkan empat surah terpilih iaitu Surah al-Ikhlāṣ, al-Falaq, al-Nās dan al-Kauthar. Hasil perbandingan mendapati bahawa ChatGPT versi 4.0 menunjukkan ketepatan makna yang lebih baik berbanding versi 3.0, khususnya dari segi kejelasan istilah dan susunan ayat. Namun begitu, kedua-dua versi masih menunjukkan kelemahan dari sudut kehalusan tafsir, konsistensi gaya, serta kecenderungan menambah atau menggugurkan nuansa penting yang hanya dapat dijaga melalui semakan pakar. Kesimpulannya, ChatGPT hanya sesuai berfungsi sebagai alat bantu rujukan awal dan tidak boleh menggantikan sepenuhnya peranan terjemahan autoritatif yang berpaksikan disiplin ulum al-Quran. Kajian ini mencadangkan agar penelitian lanjutan dibuat melibatkan ayat-ayat yang lebih panjang dan kompleks serta merumuskan garis panduan penggunaan AI bagi tujuan penterjemahan teks wahyu dalam konteks pendidikan dan penyelidikan Islam.

Kata Kunci: *Kecerdasan Buatan generatif; ChatGPT; al-Quran; Tafsir Pimpinan al-Rahman; ulum al-Quran.*

1. PENGENALAN

Kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) kini semakin menjadi keperluan dalam kehidupan manusia moden, termasuk dalam memenuhi keperluan berkaitan agama seperti pencarian pengetahuan syariat mahupun rujukan fatwa (Khairulazfar Jasferi et. al., 2024). ChatGPT (Generative Pre-trained Transformer), salah satu model bahasa berasaskan AI yang dibangunkan oleh OpenAI, beroperasi dengan menggunakan arsitektur transformer untuk memproses dan memahami hubungan perkataan dalam teks secara mendalam. Melalui pendekatan deep learning, model ini dilatih menggunakan data teks yang luas dari pelbagai sumber di internet. Sejak dilancarkan kepada umum pada 30 November 2022, ChatGPT telah menarik lebih satu juta pengguna hanya dalam tempoh seminggu, menandakan betapa pantas teknologi ini diterima dalam pelbagai bidang termasuk penterjemahan Al-Qur'an (Eka Yuniar & Heri Purnomo, 2019).

Di Indonesia seperti contoh, Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an (LPMQ) di bawah Kementerian Agama turut merancang untuk membangunkan perkhidmatan chatbot al-Qur'an berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI) (Wahid & Hasbi, 2024; Purnomo, 2023). Begitu juga di Malaysia, terdapat usaha berterusan seperti inisiatif Muslim Pro yang merancang untuk melancarkan bot AI Islamik dan al-Qur'an pintar menjelang Ramadan, yang mampu berperanan sebagai penterjemah automatik, memeriksa bacaan, malah menganalisis tafsir al-Qur'an (Amira, 2024).

Fenomena ini jelas mencipta dinamika baharu dalam pendekatan terhadap teks suci, justeru memerlukan perhatian dan bimbingan para ulama agar penggunaan teknologi ini tidak mengabaikan prinsip-prinsip pentashihan, adab dan disiplin ilmu tafsir. Perkembangan ini juga menimbulkan pelbagai persoalan etika dan dilema berkaitan otonomi keagamaan, kebergantungan terhadap AI, serta kesan sosial yang mungkin timbul daripada penggunaan AI sebagai 'penafsir' teks wahyu.

Dalam konteks ini, timbul persoalan penting: bagaimana masyarakat Islam seharusnya berinteraksi dengan peranan AI dalam menterjemah kitab suci? Sejauh mana pergeseran teknologi ini berpotensi mempengaruhi kefahaman individu terhadap nilai-nilai agama dan interpretasi teks al-Qur'an? Malah, garis panduan tentang bagaimana AI sepatutnya digunakan untuk tujuan tersebut juga menjadi suatu keperluan mendesak. Oleh itu, penilaian terhadap ketepatan

terjemahan AI, termasuk model seperti ChatGPT, adalah langkah awal yang kritikal bagi memastikan teknologi ini dapat dimanfaatkan secara bertanggungjawab dan tidak menjejaskan kesucian wahyu.

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) semakin mendapat perhatian dalam kajian-kajian berkaitan teks suci Islam, khususnya al-Quran dan hadith. Kajian oleh Annur Wahid et al. (2024) menjadi antara penyelidikan terawal yang meneliti secara langsung kemampuan ChatGPT dalam menterjemah ayat al-Quran, mendapati model AI ini berpotensi menghasilkan kesilapan nombor ayat, rujukan palsu dan makna literal yang tidak menepati prinsip tafsir. Hasilnya, ChatGPT dilihat tidak dapat menggantikan peranan mufasir manusia, malah memerlukan semakan silang dengan karya tafsir berautoriti. Dalam konteks berbeza, kajian Nuriyah (2024) pula menyorot perbahasan falsafah, dengan menelusuri isyarat kewujudan konsep 'AI kuno' melalui kisah Samiri, seterusnya mengingatkan agar fenomena AI moden tidak diulang menjadi punca penyelewengan akidah. Walaupun kajian ini tidak menilai aspek teknikal terjemahan, ia memperkukuh hujah bahawa peranan AI dalam hal agama perlu dikawal dengan literasi akidah dan prinsip epistemologi Islam.

Sementara itu, Syahrul Nur Zaman (2024) pula memfokuskan kepada penilaian epistemologi apabila ChatGPT digunakan untuk menjawab persoalan tafsir berkaitan isu gender dalam Q.S. al-Nisa:34. Dapatan beliau menekankan bahawa ChatGPT, meskipun mampu menjelaskan makna secara literal, kerap gagal mematuhi kerangka tafsir tradisional dan sering memetik sumber sekunder tanpa keabsahan, sekali gus menimbulkan keraguan dari sudut validiti. Isu rujukan dan risiko manipulasi makna juga diketengahkan Mohd Faiz Hadi Mohd Sanadi (2024) yang menilai kesan ChatGPT terhadap penulisan akademik Pengajian Islam. Beliau menggunakan kerangka kaedah fiqh untuk menegaskan bahawa kebebasan AI berpotensi menjejaskan integriti ilmu tafsir jika tidak diteliti secara mendalam dan disemak oleh pihak berautoriti. Hasil analisis perbandingan dengan kitab-kitab tafsir muktabar mendapati berlakunya penyelewengan makna yang boleh mengelirukan pelajar atau masyarakat awam sekiranya digunakan tanpa panduan.

Dari sudut pandang pelajar pula, kajian Khairul Azfar et al. (2024) memperkukuh dapatan literatur lain dengan membuktikan wujudnya cabaran keabsahan maklumat apabila AI digunakan sebagai enjin carian untuk teks al-Quran dan hadith. Walaupun majoriti responden mengiktiraf potensi AI sebagai alat bantu pembelajaran, lebih separuh pelajar FPQS USIM mengakui bahawa AI kerap menghasilkan maklumat yang tidak sahih, sekali gus mengancam

kefahaman terhadap teks suci sekiranya tidak diverifikasi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar memerlukan garis panduan yang jelas dan sistem integrasi AI yang disemak ulama agar sebarang maklumat yang diperoleh tidak membawa kepada penyelewengan fakta.

Secara keseluruhan, kelima-lima literatur menegaskan bahawa walaupun AI seperti ChatGPT menawarkan kemudahan akses maklumat secara pantas, kebolehannya dalam menterjemah dan mentafsir ayat al-Quran masih belum mencapai tahap yang dapat menggantikan autoriti ulama dan disiplin ilmu tafsir. Jurang utama yang dikenal pasti ialah kurangnya kajian perbandingan sistematik yang benar-benar menilai tahap ketepatan terjemahan AI secara langsung dengan karya-karya terjemahan autoritatif. Justeru, kajian ini berhasrat mengisi ruang tersebut dengan menganalisis sejauh mana terjemahan ChatGPT dapat diandalkan, di samping merumuskan implikasi penggunaannya terhadap kesahihan makna al-Quran bagi masyarakat Muslim kontemporari.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia paling sesuai untuk memahami tahap ketepatan makna, kesesuaian konteks terjemahan dan kemampuan teknologi Kecerdasan Buatan dalam menterjemah ayat-ayat al-Quran berbanding karya terjemahan berautoriti (Ahmad Sunawari Long, 2015; Idris, 2018; Jamil & Noh, 2020). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai secara mendalam tahap kesetiaan ChatGPT terhadap maksud asal wahyu, di samping mengenal pasti perbezaan terjemahan yang mungkin timbul apabila dibandingkan dengan terjemahan yang telah melalui proses pentashihan oleh pihak berautoriti.

Kaedah dokumentasi digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data. Sumber primer terdiri daripada terjemahan ayat-ayat al-Quran yang dijana secara langsung menggunakan dua versi ChatGPT, iaitu GPT 3.0 yang mewakili versi percuma dan GPT 4.0 yang mewakili versi berbayar. Terjemahan dijana melalui pertanyaan teks kepada antaramuka ChatGPT dan direkodkan secara bertulis. Empat surah pendek telah dipilih sebagai sampel kajian. Tiga surah pertama iaitu Surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan al-Nâs dipilih kerana maknanya yang ringkas, jelas dan sering digunakan dalam amalan masyarakat Islam, menjadikannya rujukan asas bagi menilai tahap literaliti, konsistensi istilah serta kesesuaian konteks dalam terjemahan ChatGPT. Surah keempat pula ialah Surah al-Kauthar yang dipilih kerana mengandungi perbezaan pandangan dalam kalangan mufassir terhadap makna istilah al-Kauthar (Zulkifli al-Bakri, 2024). Oleh itu, surah ini digunakan untuk menilai keupayaan ChatGPT dalam menghadapi ayat yang memerlukan takwilan tafsiran, bukan sekadar pemahaman

literal. Pemilihan surah ini bertujuan untuk menguji sejauh mana AI dapat memahami dimensi penafsiran yang pelbagai terhadap ayat yang kelihatan ringkas tetapi mengandungi khilaf ilmiah. Seterusnya, hasil terjemahan ChatGPT dibandingkan dengan terjemahan autoritatif yang diiktiraf, iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran karya Abdullah Basmeih yang telah menjadi rujukan utama di Malaysia.

Sumber sekunder pula merangkumi artikel jurnal, laporan penyelidikan dan kajian terdahulu yang membincangkan penggunaan AI dalam konteks teks agama, khususnya isu kebolegunaan, kesahihan maklumat dan cabaran epistemologi. Bahan ini diperoleh daripada pangkalan data akademik seperti Scopus, JSTOR dan koleksi perpustakaan digital.

Untuk tujuan analisis, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Perbandingan terjemahan dibuat berdasarkan kriteria utama iaitu tahap ketepatan makna literal, kejelasan konteks ayat, dan penggunaan istilah syarak. Penilaian silang dijalankan dengan membandingkan hasil terjemahan kedua-dua versi ChatGPT dengan karya Abdullah Basmeih bagi mengenal pasti sebarang ketidaktepatan, penambahan makna atau pengurangan maksud asal. Dapatan analisis ini diolah mengikut tema seperti jenis kesilapan terjemahan, corak kecenderungan AI dan tahap kebolegunaan ChatGPT sebagai alat bantu rujukan ayat al-Quran.

Akhirnya, hasil penilaian ini dirumuskan untuk menilai secara kritikal keberkesanan dan had sebenar ChatGPT dalam penterjemahan ayat suci, seterusnya mencadangkan langkah kawalan serta garis panduan penggunaan AI dalam konteks penyelidikan dan pendidikan Islam agar tidak menjejaskan kesahihan makna al-Quran.

3. HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

3.1 Pengenalan Terjemahan Al-Quran

Sejak abad ke-19, perbincangan tentang teori terjemahan berkembang pesat dalam kalangan sarjana linguistik Barat seperti Von Humboldt, Schlegel, Schleiermacher dan Schadewaldt yang berpandangan bahawa setiap bahasa memiliki keluasan makna dan budaya tersendiri yang tidak sepenuhnya dapat dijemlakan ke dalam bahasa lain (De Pedro, 1999; Wills, 1982). Justeru, perbincangan teori terjemahan pada masa itu tertumpu kepada dua aliran besar: sama ada cenderung kepada keaslian teks sumber, atau memberi penekanan kepada kefahaman pembaca sasaran. Perdebatan ini memberi kesan besar kepada penterjemahan teks agama, termasuk teks suci seperti al-Quran.

Sejarah menunjukkan usaha menterjemahkan kandungan ajaran Islam ke dalam bahasa lain sudah bermula sejak zaman Rasulullah SAW. Hal ini dibuktikan melalui pengutusan surat oleh Baginda kepada raja-raja asing, yang antara lain memerlukan penjelasan kandungan wahyu dalam bahasa sasaran (Aboebakar, 1973; Muhammad Nur Lubis, 1999). Usaha terjemahan ayat al-Quran juga direkodkan berlaku seawal abad ketujuh apabila Salman al-Farisi menterjemahkan beberapa bahagian al-Quran ke dalam bahasa Parsi (Fatani, 2006; Iman Najim & Zulkifli, 2012). Perkembangan ini berlanjutan ke beberapa bahasa lain, termasuk Turki pada abad ke-10.

Di Alam Melayu, Syeikh al-Rauf al-Singkeli (m. 1693) sering dianggap perintis terawal usaha terjemahan dan tafsir al-Quran melalui karya beliau *Turjuman al-Mustafid*. Karya ini kemudiannya disalin dan diajarkan di Tanah Melayu oleh muridnya, Syeikh Abdul Malik atau lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis pada abad ke-18. Usaha ini diteruskan dengan kemunculan *Tafsir Nur al-Ihsan* oleh Muhammad Sa'id bin Umar pada tahun 1929 yang menandakan peralihan penting kepada usaha penerbitan tafsir dan terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu secara lebih meluas (Haziyah, 2016). Kajian terdahulu menjelaskan bahawa karya-karya terawal ini lazimnya menggunakan kaedah terjemahan harfiyyah atau terikat (katawi) sebelum diikuti dengan huraian tafsir (Ismail, 1995). Pendekatan ini dapat dilihat juga dalam karya Muhammad Ma'adah bin Layang dan Hashim Abdul Ghani yang menghasilkan terjemahan harfiyyah lengkap 30 juzuk berjudul *Induk Kamus Pelajaran Menterjemah al-Quran* pada tahun 1975. Selain itu, Abdullah bin Abbas Nasution turut menulis *Quran Bergantung Makna Jawi Bagi Bacaan Anak-anak Sehari-hari* pada tahun 1940-an untuk memudahkan masyarakat Melayu memahami makna literal ayat al-Quran (Bahrum & Haziyah, 2014).

Menjelang era moden, penerbitan terjemahan al-Quran di Malaysia semakin rancak dengan kemunculan syarikat-syarikat penerbitan tempatan seperti Telaga Biru Sdn. Bhd., Karya Bestari Sdn. Bhd., dan Al-Hidayah House of Quran yang masing-masing menerbitkan pelbagai edisi terjemahan bercetak, lengkap dengan panduan waqaf ibtida', tafsir ringkas dan penandaan hukum tajwid (Telaga Biru, 2020; Karya Bestari, 2020). Kerancangan ini secara tidak langsung mencerminkan minat masyarakat Islam tempatan terhadap pemahaman kandungan al-Quran dalam bahasa ibunda. Namun, pertumbuhan pesat ini juga menuntut perhatian serius pihak berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran (LPMQ) bagi memastikan prosedur pentashihan, perakuan, dan kelulusan penerbitan sentiasa dikemas kini demi menjamin kesahihan makna dan kualiti terjemahan yang disebar (Wan Ramizah, 2019). Dalam konteks kajian

ini, fokus hanya diberikan kepada terjemahan al-Quran dalam bentuk bercetak (buku), berasaskan permohonan penerbitan yang diluluskan JAKIM antara tahun 2013 hingga 2019, sebagai rujukan untuk menilai bagaimana terjemahan autoritatif ini berbanding dengan terjemahan automatik oleh teknologi AI seperti ChatGPT.

3.2 Proses Kesahan Terjemahan al-Quran di Malaysia

Proses penterjemahan al-Quran di Malaysia tertakluk kepada garis panduan yang jelas dan ketat bagi memastikan kesucian kandungan wahyu terpelihara. Secara amnya, terdapat dua dokumen utama yang sering dirujuk oleh penerbit, iaitu Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam (2015) dan Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith (2018) (Hussin & Abdul Latiff, 2020). Panduan ini bukan sahaja menggariskan standard penulisan tetapi juga kriteria ketat bagi menilai kesahihan kandungan. Berdasarkan Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam, sekurang-kurangnya sepuluh kriteria asas ditetapkan, antaranya memastikan kandungan tidak menyentuh kesucian Islam, tidak bercanggah dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah, tidak menyalahi sumber hukum utama, dan tidak mengandungi unsur khurafat atau isra'iliyyat.

Selain itu, beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) juga memperkukuh keperluan ini. Muzakarah ke-24 pada 1989 telah mengharamkan penulisan al-Quran menggunakan selain tulisan Arab, manakala Muzakarah ke-110 pada 2017 menegaskan larangan membaca al-Quran tanpa teks asal. Keputusan ini selari dengan pandangan bahawa terjemahan hanya berfungsi sebagai tafsiran untuk membantu kefahaman, bukan sebagai pengganti nas al-Quran itu sendiri (Ervan, 2016). Bahkan, Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam turut menetapkan bahawa terjemahan per kata perlu disertakan dengan tafsiran lengkap berpandukan sumber autoritatif seperti Tafsir Pimpinan al-Rahman agar konteks makna tidak terpisah dari maksud asal (Adawiah, 2019).

Dari sudut pelaksanaan, proses penapisan dan perakuan terjemahan al-Quran dikawal selia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak tahun 1969 melalui Seksyen Kawalan Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Seksyen ini bertanggungjawab menilai, menapis dan menganalisis bahan-bahan berunsur Islam yang diterbitkan dalam negara atau diimport, termasuk bahan bercetak, digital dan multimedia. Penilaian kandungan kemudiannya dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam di bawah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)

dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Radihan, 2011).

Sejak 2 Disember 2018, penapisan bahan tafsir dan terjemahan al-Quran telah dilaksanakan secara khusus oleh Cawangan Kajian al-Quran dan Hadith, unit baharu di bawah Bahagian Penyelidikan JAKIM. Unit ini bertindak selaras dengan keputusan Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja pada 2009 yang memutuskan keperluan penapisan terjemahan al-Quran dilaksanakan lebih sistematik. Sekiranya perlu, JAKIM akan melantik panel penyemak yang pakar dalam bidang tafsir dan penterjemahan untuk menilai kandungan secara mendalam. Laporan panel ini kemudiannya dikemukakan kepada KDN bagi proses akhir kelulusan percetakan dan penerbitan (Adawiah, 2019).

Keseluruhan rangka kerja ini membuktikan bahawa setiap manuskrip terjemahan al-Quran perlu melalui prosedur semakan, pentashihan dan perakuan rasmi sebelum diterbitkan kepada umum. Pendekatan ini penting bagi mengekang sebarang unsur penyelewengan atau salah tafsir yang boleh mengelirukan masyarakat. Dalam konteks kajian ini, memahami mekanisme pentashihan tradisional ini menjadi asas untuk membandingkan sejauh mana terjemahan AI seperti ChatGPT boleh memenuhi tahap ketepatan dan kebolehpercayaan yang telah lama dipraktikkan di Malaysia.

3.3 ChatGPT sebagai Alat Bantu Bidang Agama

Artificial Intelligence (AI) atau kepintaran buatan merujuk kepada kebolehan sistem digital melaksanakan tugas yang secara tradisional memerlukan kemampuan akal manusia, termasuk memahami, menganalisis dan mengekstrak makna daripada teks (Firās al-Sāsī, 2020). Salah satu aplikasi AI yang paling menonjol pada masa kini ialah ChatGPT, sebuah model bahasa yang dibangunkan oleh OpenAI berpangkalan di Amerika Syarikat. ChatGPT dibina berasaskan seni bina Generative Pre-trained Transformer (GPT), dengan versi terkini iaitu GPT-4 dilatih menggunakan data teks berskala besar dalam pelbagai bahasa untuk membolehkannya memahami konteks, hubungan perkataan, dan menghasilkan respons yang kelihatan natural. Pendekatan ini berasaskan teori Tatabahasa Transformasi Generatif yang mengandaikan manusia secara semula jadi memahami struktur asas ayat dan mampu mencipta variasi baharu melalui proses transformasi (Aris, 2025; Al-Mu'addi, 2024).

Dalam bidang penyelidikan dan pendidikan Islam, faktor kebolegunaan AI dilihat cukup besar. Firās al-Sāsī (2020) menegaskan bahawa tiada larangan khusus ke atas penggunaan AI selagi tidak bercanggah dengan syariat, selain skopnya yang luas dan potensi manfaat yang tinggi. AI dilihat

mampu menyokong perkembangan ilmu Islam dengan menjimatkan masa pencarian maklumat, menghubungkan pelbagai sumber, serta membantu penyelidikan bersifat interdisipliner. Keberadaan tenaga pakar dalam kedua-dua bidang teknologi dan syariah turut mendorong kesedaran terhadap keperluan mengguna pakai AI sebagai alat sokongan penyelidikan.

Dalam konteks al-Quran, ChatGPT mula dimanfaatkan oleh sebahagian pengguna sebagai penterjemah, pentafsir ringkas, atau pemberi maklumat berkaitan ayat tertentu. Namun, dapatan beberapa kajian lepas menunjukkan kemampuan ChatGPT dalam hal ini masih terhad. Sebagai contoh, kajian Annur Wahid et al. (2024) mendapati ChatGPT sering melakukan kesilapan dalam memadankan nombor ayat, menghasilkan terjemahan literal yang tidak selari dengan disiplin tafsir, dan kadangkala memberikan rujukan palsu. Syahrul Nur Zaman (2024) pula menilai aspek epistemologi, mendapati ChatGPT cenderung memetik sumber sekunder yang tidak sahih apabila menjawab soalan tafsir, terutamanya bagi isu-isu sensitif seperti ayat berkaitan gender. Penemuan ini seiring dengan kajian Mohd Faiz Hadi Mohd Sanadi (2024) yang menegaskan bahawa ChatGPT wajar dilihat sebagai asisten awal semata-mata, bukan sebagai ‘mufassir’ alternatif, kerana setiap terjemahan dan penjelasan tetap memerlukan pentashihan pakar.

Bagi kalangan pelajar bidang al-Quran dan Sunnah, Khairul Azfar et al. (2024) mendapati majoriti responden mengiktiraf AI sebagai alat sokongan yang bermanfaat tetapi mengakui wujud risiko besar sekiranya maklumat digunakan tanpa semakan. Persepsi ini seiring dengan keputusan beberapa badan berautoriti yang menekankan bahawa terjemahan al-Quran perlu disertakan teks asal dan ditapis oleh pakar sebelum disebar kepada umum. Justeru, meskipun ChatGPT menawarkan kemudahan pencarian maklumat pantas, penggunaannya sebagai alat bantu rujukan agama memerlukan bimbingan literasi AI, kefahaman kaedah pentashihan, serta pematuhan kepada garis panduan penapisan yang telah sedia diamalkan dalam tradisi penerbitan al-Quran di Malaysia.

3.4 Analisis Terjemahan Chatgpt

Bagi tujuan analisis terjemahan ChatGPT, kajian ini menumpukan penelitian terhadap empat surah sahaja, iaitu Surah al-Ikhlās, al-Falaq, al-Nās dan al-Kauthar. Pemilihan ini dibuat kerana keempat-empat surah tersebut merupakan antara surah yang paling masyhur dan mudah diperoleh terjemahannya sebagai rujukan perbandingan. Selain itu, maknanya yang ringkas dan jelas memudahkan penyelidik mengenal pasti sama ada ChatGPT melakukan kesilapan pada maksud literal atau konteks ayat. Keempat-empat surah ini juga mewakili sampel

teks pendek, maka sekiranya didapati terdapat kekhilafan terjemahan walaupun pada surah yang ringkas, ini menjadi petunjuk bahawa risiko kesilapan terjemahan oleh AI adalah lebih besar bagi surah-surah panjang atau ayat-ayat yang mengandungi hukum dan istilah teknikal. Kajian ini turut dijalankan dalam dua bentuk analisis, iaitu pertama, menilai terjemahan ChatGPT versi percuma (GPT-3.0) dan kedua, menganalisis terjemahan ChatGPT versi berbayar (GPT-4.0). Pendekatan ini diambil bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh dan realistik, selaras dengan hakikat bahawa tidak semua pengguna di masyarakat melanggan ChatGPT versi berbayar.

3.4.1 Surah al-Ikhlās

Bagi terjemahan Surah al-Ikhlās, dapatan kajian ini memperincikan aspek-aspek penting yang membandingkan ketepatan makna, susunan istilah serta kesesuaian konteks antara terjemahan ChatGPT dan terjemahan autoritatif:

Rajah 1

Terjemahan ChatGPT versi percuma (GPT-3.0)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

TERJEMAHKAN DALAM BAHASA MELAYU

Baik, berikut ialah terjemahan Surah al-Ikhlās (ayat 1-4) dalam Bahasa Melayu:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Dialah Allah Yang Maha Esa.
2. Allah tempat bergantung segala sesuatu.
3. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan.
4. Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya.

Rajah 2

Terjemahan ChatGPT versi berbayar (GPT-4.0)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

TERJEMAHKAN DALAM BAHASA MELAYU

Berikut adalah terjemahan Surah Al-Ikhlās (Surah 112) dalam Bahasa Melayu:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang

1. Katakanlah (wahai Muhammad): "Dialah Allah, Yang Maha Esa."
2. "Allah adalah Tuhan yang menjadi tumpuan sekalian makhluk."
3. "Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan."
4. "Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya."

Surah ini menegaskan keesaan Allah, kebesaran-Nya, dan bahawa tiada sesuatu pun yang menyerupai-Nya.

Analisis perbandingan terhadap hasil terjemahan Surah al-Ikhlās (ayat 1–4) mendapati terdapat beberapa perbezaan yang wajar diperhatikan antara ChatGPT versi 4.0 dan ChatGPT versi 3.0. Secara umum, terjemahan ChatGPT 4.0 menunjukkan gaya yang lebih kemas, padat dan hampir dengan pendekatan literal (harfiyyah) yang sering diamalkan dalam karya terjemahan autoritatif. Sebagai contoh, pada ayat kedua, ChatGPT 4.0 menterjemahkan “Allahu al-Şamad” sebagai “Allah tempat bergantung segala sesuatu”, manakala ChatGPT 3.0 memilih frasa yang lebih panjang iaitu “Allah adalah Tuhan yang menjadi tumpuan sekalian makhluk”. Walaupun maksudnya sama, pilihan kata pada versi 4.0 lebih ringkas dan selaras dengan pendekatan terjemahan literal.

Perbezaan lain turut dapat dilihat pada cara struktur ayat dipersembahkan. ChatGPT 3.0 cenderung menambah tanda petik pada setiap terjemahan ayat dan menyelitkan nota penjelasan di akhir terjemahan, seperti penegasan bahawa surah ini menekankan keesaan dan kebesaran Allah. Walaupun penjelasan tambahan ini boleh membantu pembaca awam memahami maksud keseluruhan surah, ia sebenarnya sudah melangkaui batas terjemahan literal dan masuk ke ruang takwil ringkas. Sebaliknya, ChatGPT 4.0 tidak menambah sebarang penjelasan sampingan, sebaliknya kekal menampilkan terjemahan ayat secara lurus tanpa gangguan elemen tambahan.

Dari sudut konsistensi gaya, ChatGPT 4.0 juga didapati lebih seragam. Tanda baca, format senarai dan penggunaan istilah lebih selaras berbanding versi 3.0 yang masih menunjukkan variasi gaya automatik, contohnya penggunaan tanda petik yang tidak diperlukan. Ini menunjukkan tahap penghalusan (refinement) model versi berbayar lebih baik meskipun hasilnya masih bersifat literal dan tidak dapat menggantikan disiplin tafsir.

Secara keseluruhan, kedua-dua versi berjaya menyampaikan makna asas ayat-ayat Surah al-Ikhlāṣ dengan tepat, tetapi hasil terjemahan versi 4.0 lebih sesuai dijadikan asas rujukan awal kerana lebih terjaga dari sudut keseragaman dan kesetiaan makna.

3.4.2 Surah al-Falaq

Bagi surah al-Falaq, hasil analisis di kedua-dua lapangan ChatGPT mendapati hasil berikut:

Rajah 3

Terjemahan ChatGPT versi percuma (GPT-3.0)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَغُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (١) مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (٢) وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (٣) وَمِنْ شَرِّ
النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (٤) وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (٥)

TERJEMAHKAN DALAM BAHASA MELAYU



Baik, berikut ialah terjemahan Surah al-Falaq (ayat 1–5) dalam Bahasa Melayu:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai subuh (fajar).
2. Daripada kejahatan makhluk yang Dia ciptakan.
3. Dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap gelita.
4. Dan daripada kejahatan perempuan-perempuan tukang sihir yang meniup pada simpulan-simpulan.
5. Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki.

Rajah 4

Terjemahan ChatGPT versi berbayar (GPT-4.0)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (١) مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (٢) وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (٣) وَمِنْ شَرِّ
 النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (٤) وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (٥)
 TERJEMAHKAN DALAM BAHASA MELAYU

Berikut ialah terjemahan Surah Al-Falaq (Surah 113) dalam Bahasa Melayu:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang

1. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai subuh (fajar),
2. Daripada kejahatan makhluk yang Dia ciptakan,
3. Dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap-gelita,
4. Dan daripada kejahatan perempuan-perempuan tukang sihir yang menghembus pada simpulan,
5. Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki."

Surah ini adalah doa perlindungan kepada Allah daripada pelbagai bentuk kejahatan dan hasad dengki.

Analisis terhadap terjemahan Surah al-Falaq mendapati terdapat beberapa perbezaan kecil tetapi signifikan antara ChatGPT versi 4.0 dan ChatGPT versi 3.0. Secara umumnya, kedua-dua versi berjaya mengekalkan maksud asas ayat-ayat perlindungan ini, namun terdapat perbezaan dari sudut kehalusan gaya bahasa dan konsistensi struktur ayat. Pada ayat pertama, kedua-dua versi sama-sama menterjemah "Qul a'ūdhu bi Rabbi al-Falaq" sebagai seruan perlindungan, tetapi ChatGPT 3.0 mengekalkan tanda petik (") pada frasa "Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai subuh (fajar)", sedangkan versi 4.0 memilih untuk menulis tanpa tanda petik dan lebih berterusan dengan konteks naratif. Walaupun tanda petik ini tidak menjejaskan makna, ia menunjukkan ketidakkonsistenan dari sudut format penulisan.

Pada ayat kedua dan ketiga, kedua-dua versi mengekalkan maksud literal dengan jelas, tetapi ChatGPT 4.0 kelihatan lebih lancar dengan frasa "Daripada kejahatan makhluk yang Dia ciptakan" dan "Dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap gelita" tanpa unsur parafrasa yang berlebihan. Versi 3.0 pula memisahkan beberapa frasa dengan tanda baca koma, menonjolkan gaya seolah-olah ia satu petikan langsung. Pada ayat keempat, ChatGPT 3.0 menggunakan

ungkapkan “tukang sihir yang menghembus pada simpulan” manakala versi 4.0 menterjemahkannya sebagai “perempuan-perempuan tukang sihir yang meniup pada simpulan-simpulan”. Terjemahan versi 4.0 lebih menepati maksud jamak dalam perkataan “an-naffāthāt” yang memang merujuk kepada bentuk plural dalam bahasa Arab.

Bagi ayat kelima, maksud “kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki” dikekalkan oleh kedua-dua versi dengan susunan perkataan yang hampir sama, cuma ChatGPT 3.0 menutup terjemahan dengan tanda petik dan menambah penjelasan ringkas di hujung terjemahan: “Surah ini adalah doa perlindungan kepada Allah daripada pelbagai bentuk kejahatan dan hasad dengki.” Penjelasan ini walaupun bermanfaat untuk pembaca awam, sebenarnya menambah unsur tafsir ringkas yang tidak dinyatakan secara literal dalam teks asal. Sebaliknya, ChatGPT 4.0 mengekalkan terjemahan secara literal tanpa menambah nota penutup, menjadikan hasilnya lebih ringkas, konsisten, dan lebih mirip pendekatan terjemahan autoritatif yang memisahkan teks terjemahan dengan huraian.

Kesimpulannya, terjemahan ChatGPT versi 4.0 bagi Surah al-Falaq kelihatan lebih selaras dengan pendekatan harfiyyah kerana mengekalkan maksud jamak dengan lebih tepat, tidak menambah unsur tafsir dan konsisten dari segi struktur. ChatGPT versi 3.0 pula meskipun menyampaikan makna yang betul, masih menunjukkan kecenderungan menghasilkan format tanda baca berlebihan dan penjelasan tambahan di luar maksud literal.

3.4.3 Surah al-Nās

Bagi surah al-Nās, hasil analisis di kedua-dua lapangan ChatGPT mendapati hasil berikut:

Rajah 5

Terjemahan ChatGPT versi percuma (GPT-3.0)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ (١) مَلِكِ النَّاسِ (٢) إِلَهِ النَّاسِ (٣) مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ
 (٤) الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ (٥) مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ (٦)

TERJEMAHKAN DALAM BAHASA MELAYU

Baik, berikut ialah terjemahan Surah al-Nas (ayat 1–6) dalam Bahasa Melayu:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada Tuhan (Pemelihara) sekalian manusia.
2. Raja yang menguasai sekalian manusia.
3. Tuhan yang disembah oleh sekalian manusia.
4. Daripada kejahatan pembisik (syaitan) yang bersembunyi.
5. Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia.
6. Daripada (golongan) jin dan manusia.

Rajah 6

Terjemahan ChatGPT versi berbayar (GPT-4.0)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ (١) مَلِكِ النَّاسِ (٢) إِلَهِ النَّاسِ (٣) مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ
 (٤) الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ (٥) مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ (٦)

TERJEMAHKAN DALAM BAHASA MELAYU

Berikut ialah terjemahan Surah An-Naas (Surah 114) dalam Bahasa Melayu:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang

1. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan mentadbir) sekalian manusia,
2. Raja yang menguasai sekalian manusia,
3. Tuhan yang disembah oleh sekalian manusia,
4. Daripada kejahatan pembisik yang timbul dan tenggelam (iaitu syaitan),
5. Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia,
6. (Iaitu) dari (golongan) jin dan manusia."

Surah ini mengajar kita memohon perlindungan kepada Allah daripada gangguan halus seperti bisikan syaitan dan kejahatan tersembunyi yang datang dari jin dan manusia.

Analisis perbandingan terjemahan Surah al-Nās mendapati wujud perbezaan ketara dari segi kehalusan istilah dan penambahan elemen penjelasan

antara ChatGPT versi 4.0 dan versi 3.0. Secara dasarnya, kedua-dua versi mengekalkan struktur susunan ayat yang konsisten dan maksud literal yang tidak lari daripada teks asal. Namun, ChatGPT 3.0 menampakkan kecenderungan menambah frasa tafsiran yang tidak terdapat secara langsung dalam ayat al-Quran. Sebagai contoh, pada ayat pertama, versi 4.0 menterjemahkan “Rabb al-Nās” sebagai “Tuhan (Pemelihara) sekalian manusia” manakala versi 3.0 memperluas maksudnya menjadi “Tuhan (yang memelihara dan mentadbir) sekalian manusia”. Walaupun maksudnya tidak salah, penambahan perkataan “mentadbir” sudah melangkaui terjemahan literal dan mula masuk ke ranah penafsiran.

Begitu juga pada ayat keempat, ChatGPT 4.0 menggunakan terjemahan ringkas “Daripada kejahatan pembisik (syaitan) yang bersembunyi” yang tepat secara harfiah, sedangkan versi 3.0 menambah frasa “yang timbul dan tenggelam (iaitu syaitan)” untuk menjelaskan sifat bisikan. Penambahan ini sebenarnya adalah unsur takwil yang lazimnya dijelaskan dalam nota kaki atau tafsir, bukan dalam terjemahan literal. Selain itu, pada ayat keenam, ChatGPT 3.0 menambah perkataan “(iaitu) dari (golongan) jin dan manusia” sedangkan versi 4.0 mengekalkan bentuk lebih padat iaitu “Daripada (golongan) jin dan manusia”.

Kedua-dua versi juga menunjukkan perbezaan pada struktur ayat penutup. ChatGPT 3.0 sekali lagi menambah ringkasan huraian: “Surah ini mengajar kita memohon perlindungan kepada Allah daripada gangguan halus seperti bisikan syaitan dan kejahatan tersembunyi yang datang dari jin dan manusia.” Penjelasan ini berfungsi sebagai nota ringkas tetapi ia menyalahi batas penterjemahan literal, manakala versi 4.0 kekal hanya pada teks ayat tanpa sebarang penutup penjelasan. Dari sudut konsistensi gaya, ChatGPT 4.0 juga kelihatan lebih seragam, tidak menggunakan tanda petik yang berlebihan, dan mengekalkan susunan ayat dengan bahasa yang mudah difahami.

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa ChatGPT versi 4.0 lebih cermat dalam mengekalkan maksud literal dan gaya terjemahan yang lebih hampir dengan standard terjemahan autoritatif. Sebaliknya, ChatGPT versi 3.0 menunjukkan kelemahan dari segi kecenderungan menambah unsur penjelasan tambahan tanpa semakan disiplin tafsir, sekaligus menimbulkan risiko pembaca awam mengambil maksud yang tersasar.

Seterusnya, kajian ini akan membandingkan hasil terjemahan ChatGPT dengan karya terjemahan al-Quran terpilih yang diiktiraf berautoriti. Langkah ini

bertujuan untuk menilai sejauh mana ketepatan makna, kesetiaan konteks, dan konsistensi istilah dalam terjemahan ChatGPT berbanding terjemahan yang telah melalui proses pentashihan dan pengesahan pakar. Perbandingan ini diharap dapat merumuskan kesimpulan yang lebih objektif sama ada terjemahan al-Quran oleh ChatGPT wajar digunakan sebagai rujukan, atau sebaliknya tetap memerlukan semakan pakar bagi mengelakkan sebarang penyelewengan makna wahyu.

3.4.4 Surah al-Kauthar

Bagi Surah al-Kauthar, kajian ini meletakkan had analisis hanya kepada terjemahan yang dijana oleh ChatGPT versi berbayar 4.0. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pertimbangan kualitatif yang berpaksikan kepada keupayaan teknikal dan linguistik versi ini yang jauh lebih baik berbanding versi percuma. Berdasarkan dapatan analisis tiga surah sebelumnya, didapati bahawa ChatGPT versi 4.0 menunjukkan prestasi yang lebih stabil dan konsisten dalam aspek struktur ayat, penggunaan istilah jamak, serta gaya bahasa yang lebih hampir dengan terjemahan autoritatif. Justeru, dalam konteks analisis ayat yang melibatkan tafsiran pelbagai seperti Surah al-Kauthar, penggunaan versi 3.0 yang lebih literal dan cenderung menghasilkan terjemahan kaku dijangka tidak memberikan sumbangan signifikan terhadap dapatan.

Tambahan pula, pemfokusan kepada ChatGPT 4.0 adalah selari dengan matlamat utama subtopik ini iaitu menilai keupayaan AI generatif untuk memahami ayat-ayat yang diperdebatkan maknanya oleh para mufassir, bukan sekadar menyalin makna literal. Surah al-Kauthar terkenal dengan kepelbagaian pandangan ulama terhadap makna istilah al-Kauthar, sama ada sebagai sungai di syurga, keberkatan ilmu, kemuliaan risalah, atau lambang rezeki melimpah yang tidak terhitung (Zulkifli, 2024).. Oleh itu, ujian sebenar keupayaan AI dalam menterjemah ayat-ayat seperti ini terletak pada keupayaannya menyaring makna yang sahih, mengelak kekeliruan istilah dan tidak menyempitkan makna wahyu semata-mata kepada satu dimensi.

Dengan menghadkan analisis kepada ChatGPT 4.0, kajian ini dapat menilai secara lebih adil dan objektif sejauh mana versi paling canggih ketika ini mampu mendekati kerangka kefahaman tafsir yang pelbagai, tanpa mengabaikan prinsip kesahihan makna yang menjadi teras dalam penterjemahan al-Quran.

Rajah 7

Terjemahan ChatGPT versi berbayar (GPT-4.0)

إِنَّا أَغْضَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ (١) فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ (٢) إِنَّ شَتَانِكَ هُوَ الْأَبْتَرُ
(٣)

terjemahkan dalam bahasa melayu

Baik, berikut terjemahan Surah al-Kawthar (ayat 1–3) dalam Bahasa Melayu:

1. Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) nikmat yang banyak (al-Kawthar).
2. Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu dan berkorbanlah.
3. Sesungguhnya orang yang membencimu, dialah yang terputus (daripada segala kebaikan dan sebutan).

Adakah anda mahu saya sertakan juga maksud *al-Kawthar* menurut tafsiran ulama (contohnya sungai di syurga atau nikmat yang melimpah)?

3.5 Analisis Akademik Terhadap Terjemahan Surah al-Kauthar oleh ChatGPT 4.0

Terjemahan ChatGPT 4.0 terhadap Surah al-Kauthar memperlihatkan usaha menterjemah secara literal berdasarkan struktur asas ayat Arab, di samping cubaan memberi sedikit konteks pada maksud al-Kauthar. Frasa ayat pertama diterjemahkan sebagai “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) nikmat yang banyak (al-Kauthar)”, yang secara umum selari dengan maksud asal ayat tersebut. Frasa “nikmat yang banyak” merupakan salah satu tafsiran yang masyhur bagi al-Kauthar, khususnya pandangan Ibn Abbas yang menyatakan bahawa al-Kauthar bermaksud al-khayr al-kathīr (kebaikan yang banyak), sebagaimana disebut dalam Saḥīḥ al-Bukhārī (Al-Bukhārī, 1993). Justeru, ChatGPT dilihat menepati salah satu makna yang diakui oleh majoriti mufasssir.

Namun begitu, ChatGPT 4.0 tidak secara automatik memberikan takwil tambahan yang lebih khusus, seperti penafsiran bahawa al-Kauthar ialah sungai di syurga iaitu sebuah pendapat yang sangat kuat dan disokong oleh banyak hadith sahih (Zulkifli, 2024). Contohnya, sabda Nabi SAW bahawa al-Kauthar adalah sungai di syurga dengan tebing emas dan air yang lebih manis

daripada madu (al-Tabarī, 2001). Bahkan, Jibril sendiri menjelaskan kepada Nabi SAW ketika di syurga bahawa al-Kauthar merujuk kepada sungai khusus yang dianugerahkan oleh Allah kepada Baginda (al-Bukhārī, 1993). Dalam hal ini, ChatGPT tidak mengemukakan penafsiran ini secara langsung melainkan hanya meletakkannya dalam kurungan sebagai pilihan tambahan (“nikmat yang banyak (al-Kauthar)”).

Selain itu, terjemahan ayat kedua “Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu dan berkorbanlah” adalah tepat dari segi literal dan konteks, mengambil kira struktur fi'il amr (kata perintah) faṣalli dan wanḥar. Dalam kes ini, tiada perbezaan besar antara terjemahan ChatGPT dan terjemahan autoritatif. Ayat ketiga juga diterjemahkan secara literal sebagai “Sesungguhnya orang yang membencimu, dialah yang terputus (daripada segala kebaikan dan sebutan)”, yang menunjukkan usaha untuk menyampaikan maksud abtar dengan baik iaitu terputus dari keturunan, kebaikan dan kenangan baik, sebagaimana ditekankan dalam tafsir klasik (al-Sa'dī, 2000).

Kesimpulannya, ChatGPT 4.0 berjaya menterjemah Surah al-Kauthar secara literal dengan baik, tetapi bergantung sepenuhnya kepada maksud permukaan ayat dan tidak menyertakan tafsiran yang mendalam kecuali jika diminta. Kelemahan ini menunjukkan bahawa meskipun ChatGPT mampu memberikan terjemahan ringkas dan tepat dalam bentuk asas, namun dari sudut ketepatan tafsir dan kesetiaan kepada makna yang disepakati oleh para mufassir, teknologi ini masih bergantung kepada input pengguna dan tidak dapat menggantikan pendekatan tafsir klasik secara automatik. Ini bertepatan dengan dapatan Abū Hayyan yang menyebut bahawa terdapat sekurang-kurangnya 26 pendapat tentang maksud al-Kauthar, namun yang paling tepat ialah ia merujuk kepada sungai di syurga (Zulkifli, 2024). Hal ini tidak dijelaskan secara asas oleh ChatGPT melainkan atas permintaan tambahan. Maka, keupayaan AI dalam memahami konteks wahyu tetap perlu disandarkan kepada kawalan pengguna dan pemantauan ilmiah.

3.6 Perbandingan Terjemahan al-Quran Terpilih

Bagi tujuan perbandingan dengan terjemahan al-Quran terpilih, kajian ini memilih satu rujukan utama iaitu karya Abdullah Basmeih (1987), Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, edisi kelapan. Karya ini dipilih kerana telah diiktiraf sebagai rujukan utama dalam pelbagai penulisan akademik, khususnya oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan telah menjadi rujukan

masyarakat Islam Malaysia sejak sekian lama (JAKIM, 2012). Selain itu, kajian mendapati bahawa kebanyakan terjemahan lain yang digunakan pada platform digital seperti tanzil.net dan Smart Quran turut berasaskan terjemahan Abdullah Basmeih. Justeru, pemilihan karya ini sebagai rujukan utama adalah memadai untuk menjadi kerangka semakan dalam analisis perbandingan tahap ketepatan terjemahan ChatGPT dengan terjemahan autoritatif yang telah melalui proses pentashihan. Khusus untuk rujukan gambar, kajian meletakkan rujukan daripada terjemahan aplikasi Smart Quran agar lebih mudah dirujuk kembali (Jakim, 2024). Kajian akan memasukkan terjemahan Abdullah Basmeih dan terus kepada analisis agar tidak memanjangkan perbincangan.

3.6.1 Surah al-Ikhlāṣ

Bagi terjemahan Surah al-Ikhlāṣ, dapatan kajian yang diperoleh daripada terjemahan melalui aplikasi Smart Quran menunjukkan perkara-perkara berikut:

Rajah 8
Terjemahan Abdullah Basmeih daripada Smart Quran

سُورَةُ الْاٰخِلَاصِ

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

قُلْ هُوَ اللّٰهُ اَحَدٌ ۝ اللّٰهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝
لَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا اَحَدٌ ۝

سُورَةُ الْفَاتِحَةِ

AL-IKHLAAS

AI-Ikhlaas: 1

Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa;

AI-Ikhlaas: 2

"Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;

AI-Ikhlaas: 3

"Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakan;

AI-Ikhlaas: 4

"Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya".

Perbandingan terhadap terjemahan Surah al-Ikhlāṣ (ayat 1–4) antara rujukan autoritatif Abdullah Basmeih dengan hasil terjemahan ChatGPT versi 4.0 dan 3.0 menunjukkan beberapa perbezaan signifikan, khususnya pada kehalusan pemilihan kata dan kesetiaan kepada maksud asal. Secara umum, terjemahan Abdullah Basmeih jelas mengekalkan pendekatan literal (harfiyyah) yang cermat, di samping memelihara susunan makna mengikut tradisi pentashihan. Contohnya, pada ayat pertama, Abdullah Basmeih menggunakan frasa “(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa” yang memberikan penegasan hubungan tauhid dengan penekanan kata “Tuhanku”. Sebaliknya, ChatGPT 4.0 menulis secara lebih umum iaitu “Dialah Allah Yang Maha Esa” tanpa unsur penegasan kata ganti “Tuhanku”, manakala ChatGPT 3.0 sama seperti versi 4.0 tetapi menambah tanda petik pada terjemahan ayat, menunjukkan format automatik yang kurang kemas.

Pada ayat kedua, Abdullah Basmeih menterjemah “Allah al-Ṣamad” dengan frasa lengkap “Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat”, yang lebih dekat dengan huraian makna perkataan al-Samad dalam kitab tafsir. ChatGPT 4.0 pula memilih terjemahan lebih ringkas iaitu “Allah tempat bergantung segala sesuatu” manakala ChatGPT 3.0 menggunakan “Allah adalah Tuhan yang menjadi tumpuan sekalian makhluk”. Walaupun kedua-dua versi AI mengekalkan maksud asas, terjemahan Abdullah Basmeih lebih lengkap kerana memadukan makna literal dan unsur keterangan tafsir ringkas, sedangkan ChatGPT lebih condong kepada terjemahan literal tanpa nuansa mendalam.

Bagi ayat ketiga, semua versi terjemahan adalah hampir serupa dari segi makna, namun Abdullah Basmeih mengekalkan struktur ayat “Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan” dengan rujukan kata ganti “Ia” merujuk kepada Allah, sedangkan ChatGPT 4.0 dan 3.0 menggunakan kata ganti “Dia”. Perbezaan ini mungkin kecil tetapi memberi implikasi kepada konsistensi gaya bahasa yang biasa digunakan dalam terjemahan Melayu klasik. Pada ayat keempat pula, Abdullah Basmeih menterjemah dengan frasa “Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya”, sedangkan ChatGPT 4.0 menggunakan “Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya” dan ChatGPT 3.0 pula sama tetapi disertai tanda petik. Frasa “serupa denganNya” lebih tepat dengan maksud penafian kufuwan yang menekankan aspek keserupaan mutlak, manakala frasa “setara” walaupun betul secara literal, sedikit kurang menonjolkan penegasan mutlak kesucian Allah daripada sebarang keserupaan.

3.6.2 Surah al-Falaq

Bagi surah al-Falaq, hasil dapatan daripada semakan melalui aplikasi Smart Quran adalah seperti berikut:

Rajah 9:

Terjemahan Abdullah Basmeih daripada Smart Quran



Perbandingan terjemahan Surah al-Falaq (ayat 1–5) antara karya Abdullah Basmeih dengan terjemahan ChatGPT versi 4.0 dan 3.0 menunjukkan perbezaan yang menonjol khususnya dari sudut istilah, pemilihan frasa dan ketelitian makna. Terjemahan Abdullah Basmeih mengekalkan gaya penafsiran literal dengan sedikit perluasan maksud bagi membantu kefahaman pembaca. Sebagai contoh, pada ayat pertama, Abdullah Basmeih menterjemah "Qul a'ūdzu

bi Rabbi al-Falaq” dengan frasa “Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk”, yang secara tidak langsung menekankan unsur penciptaan yang dikaitkan dengan sifat Rabb. Sebaliknya, ChatGPT 4.0 menterjemahnya sebagai “Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai subuh (fajar)” manakala ChatGPT 3.0 menggunakan frasa hampir serupa tetapi menambah tanda petik dan koma, selain mengekalkan perkataan “subuh (fajar)”. Kedua-dua versi AI cenderung mengekalkan makna literal “al-Falaq” sebagai “subuh”, sedangkan terjemahan Basmeih menonjolkan tafsiran yang lebih luas kepada makhluk seluruhnya, sesuai dengan rujukan tafsir muktabar.

Bagi ayat kedua, terjemahan Abdullah Basmeih menggunakan frasa “Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan” yang lebih menekankan unsur keburukan (bencana) sebagai teras perlindungan, manakala ChatGPT 4.0 dan 3.0 masing-masing menterjemahkannya lebih ringkas sebagai “Daripada kejahatan makhluk yang Dia ciptakan”. Walaupun maksudnya masih berdekatan, penggunaan perkataan “bencana” oleh Basmeih memberi penekanan nuansa keburukan yang lebih mendalam. Pada ayat ketiga pula, Basmeih menulis “Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk”, sedangkan ChatGPT 4.0 menggunakan frasa “Dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap gelita” dan ChatGPT 3.0 mengekalkan makna serupa tetapi dengan tanda petik. Di sini jelas bahawa Basmeih memilih istilah “bahaya” manakala AI menggunakan “kejahatan”, walaupun kedua-duanya merujuk kepada maksud ghasiq sebagai kegelapan yang membawa keburukan.

Pada ayat keempat, perbezaan ketara dilihat apabila Abdullah Basmeih menterjemahkan dengan frasa yang agak panjang: “Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan)” yang menegaskan bentuk jamak dan maksud literal perbuatan sihir. ChatGPT 4.0 pula menterjemahkan sebagai “Dan daripada kejahatan perempuan-perempuan tukang sihir yang meniup pada simpulan-simpulan”, mengekalkan unsur jamak *an-naffāthāt* dengan tepat. ChatGPT 3.0 juga menyamai versi 4.0 tetapi menambah tanda petik. Bagi ayat kelima, Basmeih menterjemahkan dengan frasa “Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengki”, menekankan sifat hasad sebagai perbuatan aktif, manakala ChatGPT 4.0 dan 3.0 menyampaikan maksud serupa tetapi menggunakan susunan perkataan “Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki” tanpa penegasan unsur perbuatan (melakukan).

3.6.3 *Surah al-Nās*

Bagi surah al-Nās, hasil analisis mendapati hasil berikut:

Rajah 10
Terjemahan Abdullah Basmeih daripada Smart Quran

AN-NAAS
An-Naas: 1 Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia.
An-Naas: 2 "Yang Menguasai sekalian manusia,
An-Naas: 3 "Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia,
An-Naas: 4 "Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, -
An-Naas: 5 "Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, -
An-Naas: 6 "(Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia".

Perbandingan terhadap terjemahan Surah al-Nās mendapati bahawa terdapat beberapa perbezaan ketara antara terjemahan Abdullah Basmeih, ChatGPT versi 4.0, dan ChatGPT versi 3.0, khususnya dari aspek kehalusan maksud, pilihan istilah, dan pendekatan literal berbanding penjelasan. Pada ayat pertama, Abdullah Basmeih menterjemahkan frasa “Qul a‘ūdzu bi Rabbi al-Nās” sebagai “Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia”, dengan tambahan perkataan “(Allah)” bagi memperkukuh pengertian tauhid. Sebaliknya, ChatGPT 4.0 hanya menulis “Aku berlindung kepada Tuhan (Pemelihara) sekalian manusia” tanpa unsur penegasan nama Allah, manakala ChatGPT 3.0 meluaskan lagi maksud dengan frasa tambahan “yang memelihara dan mentadbir”. Walaupun maksud “mentadbir” tidak salah secara tafsiran, ia

bukan terjemahan literal dan sepatutnya dikategorikan sebagai nota tafsir, bukan sebagai sebahagian terjemahan ayat.

Pada ayat kedua dan ketiga, ketiga-tiga terjemahan hampir sepadan dalam mengekalkan makna “Māliki al-Nās” sebagai “Raja yang menguasai sekalian manusia” dan “Ilāhi al-Nās” sebagai “Tuhan yang disembah oleh sekalian manusia”. Namun, gaya penulisan Abdullah Basmeih lebih menekankan unsur kekuasaan dan hak penyembahan dengan kata tambahan “yang berhak disembah”. Pada ayat keempat, Abdullah Basmeih menggunakan frasa “Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam” yang menunjukkan sifat bisikan syaitan yang datang dan pergi, manakala ChatGPT 4.0 menulis “Daripada kejahatan pembisik (syaitan) yang bersembunyi”, mengekalkan maksud literal tetapi kurang mendalami sifat al-waswas sebagai bisikan yang muncul tenggelam. Versi 3.0 pula menambah unsur huraian “yang timbul dan tenggelam (iaitu syaitan)” dengan tanda kurungan, sekali lagi membuktikan kecenderungan AI versi ini menambah penjelasan yang tidak konsisten dengan pendekatan terjemahan literal.

Bagi ayat kelima, Abdullah Basmeih menterjemahkan “Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia”, memberikan penekanan sifat hasutan, sedangkan ChatGPT 4.0 hanya menulis “Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia” dengan makna literal. Versi 3.0 hampir serupa tetapi kekal menambah tanda petik dan struktur ayat lebih panjang. Pada ayat keenam, Abdullah Basmeih menggunakan frasa “(iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia”, memperincikan maksud bahawa pembisik datang daripada dua golongan, sedangkan ChatGPT 4.0 lebih ringkas “Daripada (golongan) jin dan manusia” manakala ChatGPT 3.0 menambah “(iaitu) dari (golongan) jin dan manusia” dengan tanda kurungan.

3.6.4 Surah al-Kauthar

Bagi surah al-Kauthar, hasil analisis mendapati hasil berikut:

Rajah 11

Terjemahan Abdullah Basmeih daripada Smart Quran

AL-KAUTHAR

Al-Kauthar: 1

Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat).

Al-Kauthar: 2

Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

Al-Kauthar: 3

Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingini).

Perbandingan antara terjemahan ChatGPT dan terjemahan autoritatif JAKIM terhadap Surah al-Kauthar memperlihatkan beberapa perbezaan dari sudut pendekatan terjemahan, keluasan makna dan sensitiviti terhadap khilaf tafsir. Dalam ayat pertama, kedua-dua terjemahan menggunakan frasa yang hampir sama seperti “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) nikmat/kebaikan yang banyak.” Namun, perbezaan ketara wujud apabila terjemahan autoritatif memperluas makna dengan memasukkan konteks “di dunia dan di akhirat,” manakala ChatGPT menghadkannya hanya pada “nikmat yang banyak (al-Kauthar)” tanpa memberikan huraian tambahan.

Dalam ayat kedua, ChatGPT menterjemahkannya secara literal sebagai “Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu dan berkorbanlah,” tanpa menyertakan unsur sebab-musabab atau makna tersirat. Sebaliknya, terjemahan autoritatif menyusun struktur ayat secara lebih komunikatif dengan kata hubung “Oleh itu,” dan memberikan penjelasan “sembelihlah korban (sebagai bersyukur),” yang secara tidak langsung membimbing pembaca kepada tujuan ibadah tersebut. Ini menunjukkan bahawa terjemahan autoritatif menggabungkan pendekatan literal dan tafsiran ringkas, selari dengan prinsip terjemahan yang memudahkan pemahaman konteks wahyu.

Manakala bagi ayat ketiga, perbezaan ketara ialah pada penekanan maksud “al-abtar.” Terjemahan ChatGPT hanya menyebut “yang terputus

(daripada segala kebaikan dan sebutan),” manakala versi autoritatif menyebutkan “yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginya),” yang lebih menekankan akibat daripada permusuhan terhadap Nabi SAW. Dari sudut tafsir, makna “al-abtar” yang disebutkan oleh Chatgpt memang terdapat dalam tafsir al-Sa’di menunjukkan rujukannya adalah tepat (Al-Sa’di, 2000). Namun dalam hal ini, ChatGPT masih kekal dalam kerangka literal tanpa mengangkat latar belakang asbāb al-nuzūl dan implikasi makna yang lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa terjemahan ChatGPT 4.0 masih belum dapat menandingi kualiti terjemahan autoritatif yang telah disemak dan ditafsir berdasarkan disiplin ilmu tafsir. ChatGPT menyediakan struktur terjemahan yang lebih konsisten berbanding versi sebelumnya, namun kebanyakannya terhad pada aspek literal tanpa pencerahan makna yang selaras dengan pemahaman para mufassir. Ini mengukuhkan dapatan bahawa teknologi AI seperti ChatGPT hanya wajar digunakan sebagai alat sokongan awal, manakala penilaian akhir tetap memerlukan panduan ulama dan sumber autoritatif bagi memastikan makna al-Quran tidak disalaherti oleh masyarakat awam.

Berdasarkan keseluruhan analisis empat surah (al-Ikhlās, al-Falaq, al-Nās dan al-Kauthar), didapati bahawa terjemahan ChatGPT, sama ada versi percuma atau berbayar, masih terbatas pada keupayaan literal semata-mata dan tidak dapat menandingi keutuhan makna serta keseimbangan antara literal dan tafsir ringkas yang ditonjolkan dalam karya autoritatif seperti terjemahan Abdullah Basmeih. ChatGPT versi 4.0 menunjukkan kualiti terjemahan yang lebih baik berbanding versi 3.0, terutamanya pada aspek konsistensi gaya dan ketepatan istilah jamak. Namun, kedua-dua versi masih memerlukan semakan pakar untuk memastikan maksud ayat tidak terkeluar daripada kerangka tafsir yang sahih. Dapatan ini mengukuhkan keperluan meletakkan ChatGPT hanya sebagai alat bantu rujukan awal, bukan sebagai alternatif penuh kepada terjemahan al-Quran yang telah melalui proses pentashihan dan pengesahan ulama. Namun dapatan kajian juga mengesahkan Chatgpt boleh digunakan dan tidak perlu ditolak penggunaannya secara keseluruhan. Justeru, kawalan akademik dan kefahaman terhadap disiplin tafsir tetap menjadi asas penting bagi mengelakkan penyelewengan makna wahyu apabila teknologi AI digunakan dalam konteks keagamaan.

4. KESIMPULAN

Keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa walaupun teknologi Kecerdasan Buatan seperti ChatGPT memberikan kemudahan untuk menterjemah ayat al-Quran dengan cepat dan mudah diakses, tahap ketepatannya masih belum menandingi keutuhan makna yang terdapat dalam

terjemahan autoritatif seperti Tafsir Pimpinan al-Rahman oleh Abdullah Basmeih. Melalui analisis perbandingan terhadap Surah al-Ikhlāṣ, al-Falaq, al-Nās dan al-Kauthar, kajian mendapati bahawa ChatGPT versi berbayar iaitu GPT 4.0 lebih teratur dari segi penggunaan istilah, susunan ayat serta lebih dekat dengan makna literal berbanding versi percuma GPT 3.0. Namun begitu, kedua-dua versi tetap menunjukkan beberapa kelemahan khususnya dalam menjaga nuansa makna, aspek tafsir ringkas dan penggunaan istilah teknikal agama yang memerlukan pentashihan pakar. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa terjemahan al-Quran melalui ChatGPT hanya sesuai digunakan sebagai rujukan awal semata-mata dan tidak boleh berdiri sendiri tanpa semakan oleh ahli tafsir yang berautoriti. Dapatan ini juga menegaskan perlunya kawalan akademik dan garis panduan yang jelas agar penggunaan teknologi AI dapat dimanfaatkan dengan beretika dan bertanggungjawab. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluaskan skop kepada ayat-ayat al-Quran yang lebih panjang, ayat-ayat hukum, serta istilah syarak yang lebih kompleks selain menilai potensi model AI generatif lain yang terus berkembang. Usaha ini diharap dapat membantu membina kerangka praktis dan etika bagi memastikan kemudahan teknologi AI tidak menjejaskan kesahihan makna wahyu al-Quran.

RUJUKAN

- Abobaker Ali, M. Alsaleh Brakhw, Munif Zariruddin Fikri Nordin, Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail. (2012). Some linguistic difficulties in translating the Holy Quran from Arabic into English. *International Journal of Social Science and Humanity*. 2(6): 588-590.
- Adawiah Lias. (2019). Senario Penterjemahan al-Quran dan Penulisan Hadis di Malaysia serta Kawalan JAKIM Terhadap Penyelewengan Makna. *Syarahan Industri Fakulti Pengajian Islam- Cabaran Semasa dalam Penterjemahan al-Quran*. 30 April 2019.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). Metodologi penyelidikan pengajian Islam . Penerbit UKM Press. <https://ilhambooks.com/metodologi-penyelidikan-pengajian-islam/>
- Al-Bukhārī, M. b. I. (1993). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (M. D. al-Bughā, Tahq.). Dār Ibn Kathīr; Dār al-Yamāmah.
- al-Mu'addī, M. ' . (2024). Tawzīf al-Dhakā` al-Iṣṭinā'i fi Khidmat al-Sunnah al-Nabawīyah. *Majallat alDirāyah*, 162-182.
- Ayman, S. A.-'. (2023). Al-Dhakā` al-Iṣṭinā'i wa Atharuhū fi Majāl al-Baḥṭh al-'Ilmī bi 'Ilm al-Ḥadīth al-Nabawī. *Ayman Salīm al-'Awfī*. 2023. Al-Dhakā` al-Iṣṭinā'i wa

- Atharuhū fi Majāl al-Baḥth al- ‘Majallat Kulliyat Uṣūl al-Dīn wa al-Da’wah bi al-Manūfiyah, 2659-2708.
- Al-Sa’dī, ‘A. al-R. b. Nāṣir. (2000). Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fi tafsīr kalām al-Mannān (‘A. al-R. b. M. al-Luḥaydān, Tahq.). Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Ṭabarī, M. b. J. (2001). Jāmi‘ al-bayān ‘an ta’wīl āy al-Qur’ān (‘A. b. ‘A. al-Turkī, Tahq.). Dār Hajr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nāshr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān.
- Amira. (2024, March 8). Muslim Pro melancarkan bot AI Islamik dan Al-Quran yang diperkasa menjelang Ramadan. Siapak Keli. https://siapakkelim.my/2024/03/08/muslim-pro-melancarkan-bot-ai-islamik-dan-al-quran-yang-diperkasa-menjelang-ramadan-2#google_vignette
- Aris, H. b. (2025). Penilaian terhadap kebolehgantungan kepada ChatGPT dalam memahami taṣḥīf riwayat hadith. Journal of Hadith Studies, 10(1).
- Bahrum Faizan & Haziyyah Hussin. (2014). Kaedah Terjemahan Nas al-Quran dalam Tafsir Nur al-Ihsan. Islamiyyat. 36(1): 33 – 40.
- De Pedro, R. (1999). The translatability of texts: A historical overview. Meta: Journal des Traducteurs, 44(4), 546. <https://doi.org/10.7202/003808ar>
- Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). (2024). Smart Quran (Versi 4.0) [Mobile app]. Google Play Store. <https://play.google.com/store/apps/details?id=my.gov.smartrujukanquran>
- Eka Yuniar & Heri Purnomo. (2019). Implementasi Chatbot ‘Alitta’Asisten Virtual dari Balittas Sebagai Pusat Informasi di Balittas. Antivirus: Jurnal Ilmiah Teknik Informatika, 13(1), 24–35. <https://doi.org/10.35457/antivirus.v13i1.714a>
- Ervan Nurtawab. (2016). Qur’anic translation in Malay, Javanese, and Sundanese, a commentary or substitution in the Qur’an. In The Malay-Indonesian World Context and Interpretation, ed. Majid Daneshgar, Peter G. Riddell and Andrew Rippin, 39-57. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Firās Sāsī (t.t). Tawzīf al-Zakā’ al-Iṣṭinā’i fi Khidmat Majāl al-Ḥadīth wa ‘Ulūmihī. Tunisia: Jāmi’at alZaytūnah. 143-164.
- Haziyyah Hussin. (2016). The emergence of Qur’anic exegesis in Malaysia. In The MalayIndonesian World Context and Interpretation, ed. Majid Daneshgar, Peter G. Riddell and Andrew Rippin, 137-174. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Hussin, H. b., & Abdul Latiff, M. H. M. b. (2020, February 21–24). Perkembangan penterjemahan al-Quran di Malaysia pada abad ke-21. e-Proceeding of the 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAHA 2020). Hotel Ibis Malioboro,

- Jogjakarta, Indonesia. [https://doi.org/\(jika ada\) / atau e-ISBN: e978-967-2122-86-9](https://doi.org/(jika ada) / atau e-ISBN: e978-967-2122-86-9).
- Idris, M. A. , M. H. , & I. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. UM Press.
- Iman Najim Abdul-Rahman Khalaf M.Y. Zulkifli. (2012). The Qur'an: Limits Of Translatability. *Quranica International Journal on Quranic Research*. 2 (1): 73-85.
- Ismail Yusof. (1995). *Perkembangan pengajian dan penulisan tafsir di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam*. Putrajaya.
- Jamil, K. H. B. (2019). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. By Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. In *Intellectual Discourse*, 28(1). Universiti Malaya.
- Karya Bestari. (2020). *Al-Quran*. <http://karyabestari.karangkraf.com/AlQuran> (akses pada 13 Januari 2020).
- Kementerian Dalam Negeri. (2018). *Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith*. Putrajaya: Bahagian Kawalan Penerbitan dan Kawalan Teks Al-Quran.
- Khairulazfar, M., Nur Afiq, M., Al-faateh, M., & Abdul Rahman, M. Z. (2024). Penggunaan artificial intelligence (AI) secara search engine dalam pencarian maklumat al-Quran dan Hadis dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*.
- Mohd Sanadi, M. F. H. M. (2024). *Pengaruh & ketepatan ChatGPT dalam penulisan akademik khususnya bagi pentafsiran al-Quran: Satu kajian*. KITAB, 1(2).
- Muhammad Nur Lubis Abd Razak. (1999). *Penterjemahan al-Quran: Sejarah dan Permasalahannya*. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam.
- Nuriyah, 2024. *Isyarat Artificial intelligence (ai) dalam Al-Qur'an (analisis kisah Samiri dalam Q.S Thaha ayat 85-89 dan Al-A'raf ayat 148)*. Skripsi. Jurusan Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Fakultas Ushuluddin, Adab, dan Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ponorogo.
- OpenAI. (2020). ChatGPT (GPT-3) [Large language model]. OpenAI. <https://platform.openai.com>.
- OpenAI. (2023). ChatGPT (GPT-4) [Large language model]. OpenAI. <https://platform.openai.com>.

- Purnomo, B. (2023). LPMQ susun roadmap layanan Al-Qur'an dengan teknologi AI. Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an (LPMQ). <https://lajnah.kemenag.go.id/info-lpmq/berita-dan-artikel/berita/lpmq-susun-roadmap-layanan-al-qur-an-dengan-teknologi-ai.html>.
- Radihan Saari. (2011). Tapisan Dan Kawalan Media Cetak Berunsur Islam Oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Suatu Pengamatan Awal. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 24 :27-42.
- Syahrur Nur Zaman, 210103020017, Tafsir Al-Qur'an Berbasis Artificial Intelligence: Analisis Kritis terhadap Chat-Gpt dalam Menafsirkan Q.S. Al-Nisa [4] : 34 , Pembimbing: (1) Bashori, S.Ag, M.Ag.. (2) Hanafi, S.Th.I, M.A. Program Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir Fakultas Ushuluddin dan Humaniora UIN Antasari Banjarmasin, 2024.
- Telaga Biru. (2020). Koleksi al-Quran Telaga Biru Sdn. Bhd. <http://www.telagabiru.com.my/produk/alquran> (akses pada 13 Januari 2020).
- Wahid, A., & Hasbi, M. R. (2024). Menyoal akurasi ChatGPT dalam pengujian validitas penafsiran QS. An-Nur ayat 3. *MULTIPLE: Journal of Global and Multidisciplinary*.
- Wan Ramizah Hasan. (2019). Sheikh Abdullah Basmeih Tokoh Tafsir Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilss, W. (1982). *The Science of Translation: Problems and Method*. Tubingen: Narr.
- Zulkifli al-Bakri. (2024, Disember 11). #7871: Maksud al-Kauthar (الْكَوْثَرُ). Zulkifli al-Bakri. <https://zulkiflialbakri.com/7871-maksud-al-kauthar-%D9%B1%D9%84%D9%92%D9%83%D9%8E%D9%88%D9%92%D8%AB%D9%8E%D8%B1%D9%8F/>